

08 JUN 2002

Ghani-Tamadun

MALAYSIA PERLU BUKTIKAN CONTOH PEMBANGUNAN TAMADUN ISLAM

JOHOR BAHRU, 8 Jun (Bernama) -- Umat Islam di Malaysia, yang hidup aman damai dalam masyarakat majmuk merupakan contoh terbaik untuk membuktikan kepada dunia, kegigihan usaha pembangunan tamadun Islam.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata usaha yang giat dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) yang bertunjangkan Umno sekarang telah meletakkan Malaysia pada landasan yang betul ke arah mencapai matlamat itu.

"Memartabatkan Islam, menguasai ilmu, memperkayakan bahasa, memperkukuhkan ekonomi, menyuburkan budaya dan jati diri serta nilai-nilai murni kepimpinan adalah teras kepada usaha pembangunan tamadun," katanya pada perasmian Konvensyen Umno Johor di sini, hari ini.

Konvensyen dua hari itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Timbalan Presiden Umno.

Abdul Ghani berkata dalam usaha memartabatkan Islam, dakwah yang lebih berkesan ialah melalui pembangunan umat Islam dan bukannya berdakwah sekadar menerusi kata-kata sahaja.

Beliau berkata contoh jelas yang dijalankan oleh kerajaan ialah membangunkan pendidikan agama, perbankan Islam yang kini tersebar luas, mengimarahkan masjid, memperkemaskan pentadbiran kehakiman dan mahkamah syariah serta memperkukuhkan pembangunan keluarga dan sosial.

"Malaysia sudah diiktiraf dunia sebagai satu komponen penting kepimpinan Islam global, yang terjelma berikutan kejayaan negara menterjemah Islam sebagai satu cara hidup yang berteraskan syarak," katanya.

Bagaimanapun, ketika kepimpinan yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat meletakkan imej Islam di tempat yang tinggi, ia disanggah oleh segelintir orang Melayu sendiri atas dasar kepartian.

"Ia dikaburkan oleh gerakan yang semata-mata mahukan kuasa politik sehingga sanggup memberi tafsiran yang sempit terhadap Islam," dan menambah kata bahawa tindakan itu seolah-olah menidakkan pencapaian Malaysia dalam usaha mempertingkatkan imej Islam untuk menjadikannya asas pembinaan tamadun.

Menteri Besar berkata umat Islam, khususnya anggota Umno mesti berusaha menguasai ilmu baru dalam bidang sains dan teknologi untuk mempelopori usaha membina semula tamadun Islam serta memperkayakan ilmu itu sendiri.

Abdul Ghani berkata keupayaan Malaysia menguruskan ekonominya juga mendapat perhatian dunia bukan sahaja mampu keluar daripada kegawatan ekonomi dunia baru-baru ini tetapi juga kerana mampu menjana pertumbuhan berterusan dan mengagih kekayaan melalui perkongsian saksama di kalangan masyarakat.

Mengenai nilai murni kepimpinan pula, beliau berkata rakyat yang semakin bijak dan matang kini bukan sahaja melihat sumbangan dan kejayaan kepimpinan Umno tetapi juga mengamati tingkah laku pemimpin dan anggota parti.

"Maka, Umno perlu mempertahankan sifat dan ciri Melayunya yang menjadi nilai-nilai murni bangsa Melayu," katanya yang mengimbas peringatan Dr Mahathir mengenai lapan gejala yang mesti dihindari iaitu tamak kuasa, dendam, kebencian, hasad dengki, taksud kepada seseorang, sikap oportunistik, mementingkan diri dan politik wang.

Beliau berkata jika lapan perkara itu dicampuraduk dalam perjuangan Umno, pastinya politik bermoral, beradab, beretika yang dipusakai bangsa

Melayu akan luntur.

"Berteraskan gagasan Wawasan 2020, berasaskan acuan kita sendiri, adalah menjadi tanggungjawab kita di Malaysia, yang hidup aman dan makmur untuk memperkasakan pembangunan tamadun bangsa dan agama agar kembali gemilang," tambahnya.

-- BERNAMA

MNY PR